

# Jangan perdagang profesion - Dr. M

U.M. 21 MAY 1993

**K**UALA LUMPUR 20 Mei — Pusat-pusat perubatan swasta dan hospital persendirian tidak seharusnya memperdagangkan profesion kedokteran dalam mencari keuntungan, kata Dato' Sri Dr. Mahathir Mohamad hari ini.

Sebaliknya, tegas Perdana Menteri, mereka juga haruslah memberi keutamaan kepada aspek sosial.

Perdana Menteri menegaskan, aspek sosial dan komersil perlu diberi perhatian yang seimbang dengan mengejar keuntungan jika doktor-doktor swasta mahu terus mendapat tempat serta dihormati oleh masyarakat dan negara.

Menurutnya, walaupun

faktor pendapatan adalah penting bagi doktor swasta tetapi mereka juga harus bertimbang rasa dan mempunyai tanggungjawab sosial kepada masyarakat.

“Profesion kedokteran tidak patut terlalu diperdagangkan kerana unsur-unsur khidmat juga perlu ditekankan,” kata Dr. Mahathir semasa berucap merasmikan Seminar *Peranan Hospital Swasta di Malaysia Pada Masa Kini dan Akan Datang* di Hotel Hilton, di sini.

Seminar dua hari itu adalah di bawah anjuran Persatuan Hospital Persendirian Malaysia. Turut hadir ialah Menteri Kesihatan, Dato' Lee Kim

■ Lihat muka 2

## U.M. 21 MAY 1993 Jahangan perdagang profesion - Dr. M

Sai, Ketua Pengarah Kesihatan, Dato' Dr. Abu Bakar Suleiman dan Presiden Persatuan Hospital Persendirian, Dato' Dr. Mahmood Merican.

Dr. Mahathir berkata, sebenarnya hospital swasta berkembang maju adalah kerana masyarakat Malaysia mewah dan mampu memenuhi bayaran yang dikenakan.

"Ini bermakna doktor terhutang budi kepada masyarakat, baik daripada segi peluang belajar mahupun daripada segi praktisinya.

"Justeru itu, doktor-doktor ini patut memberi khidmat kepada masyarakat di samping perlunya untuk mendapatkan pendapatan yang tinggi," katanya.

Perdana Menteri juga membidas hospital-hospital swasta yang menolak pesakit kecemasan yang tidak mempunyai deposit atau tidak mampu membayar perkhidmatan mereka.

Menurutnya, amalan itu tidak sesuai dengan profesion kedokteran, malah hospital-hospital berkenaan sekurang-kurangnya patut memberi rawatan kecemasan kepada mereka yang memerlukan.

Beliau berpendapat, rawatan kecemasan tidak sepatutnya dianggap sebagai sebahagian daripada kos kerana pendapatan pakar perubatan swasta adalah empat atau lima kali lebih banyak daripada pakar di hospital kerajaan.

Dr. Mahathir menjelaskan, kewujudan hospital-hospital swasta pada masa ini telah dapat mengurangkan beban kewangan kerajaan dan tekanan penduduk yang semakin ramai mengambil berat tentang kesihatan.

"Walaupun daripada satu sudut, bayaran yang tinggi menyebabkan ramai yang berpendapatan sederhana tidak mampu,

tetapi pendapatan hospital swasta meningkat sehingga dapat mengadakan alat-alat perubatan yang termoden," katanya.

Selaras dengan peningkatan ini, ujarnya, adalah diharapkan kepakaran doktor swasta juga meningkat sehingga mencapai taraf dunia, malah pesakit dari luar negara juga akan datang mendapatkan rawatan di negara ini.

"Ini akan menyumbang kepada ekonomi negara dan menjadikan Malaysia dan kepakarannya dalam bidang perubatan lebih terkenal, kata Dr. Mahathir.

Mengenai trend mendakwa doktor di mahkamah, katanya, kerajaan tidak ingin melihat amalan tuntutan yang keterlaluan menjadi budaya masyarakat negara ini.

Menurutnya, di negara-negara di mana doktor kerap dihukum oleh mahkamah supaya membayar gantirugi yang terlalu tinggi, perkhidmatan perubatannya adalah amat buruk.

"Hospital dan doktor membuat pemeriksaan yang tidak begitu perlu kerana takut dituduh cuai dan ini meningkatkan lagi kos rawatan.

"Bayaran juga dinaikkan kerana insurans doktor dan hospital adalah tinggi dan jika gantirugi hendak dibayar doktor akan jadi bankrap," tambah beliau.

Sebaliknya, kata Perdana Menteri, amalan doktor yang berpakat dengan peguam bagi mendapatkan keuntungan perniagaan juga patut dielakkan, begitu juga amalan *feesplitting* dengan doktor-doktor lain.

Beliau menjelaskan, tanpa sebarang amalan yang tidak baik yang membelakangkan ikrar doktor, pendapatan yang lumayan masih boleh diperolehi oleh hospital-hospital swasta.